

## BAB TIGA

### KAEDAH PENYELIDIKAN

#### 3.1 Pengenalan

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menyiasat pengetahuan ada tentang pekerjaan di kalangan pelajar di sebuah sekolah di luar bandar, mengikut jantina dan aliran pelajar serta latar belakang pendidikan ibu bapa (keluarga sampel). Latar belakang keluarga sampel dapat dilihat dalam Jadual 3.2. Kajian ini juga dijalankan untuk mengetahui tentang maklumat yang mereka perolehi sesuatu kerjaya dan sebab mereka pilih sesuatu kerjaya. Pelajar yang terlibat adalah pelajar tingkatan lima dari sebuah sekolah mengikut aliran dan jantina.

Kaedah yang digunakan adalah kaedah siasatan ( survey method), kerana kaedah ini adalah difikirkan sesuai untuk kajian ini.

#### 3.2 Latar Belakang Sekolah

Sekolah yang telah dipilih untuk menjalankan kajian ini adalah sebuah sekolah yang terletak dalam Jajahan (Daerah) Jeli yang terletak jauh daripada kawasan bandar (100 kilometer daripada bandar Kota Bharu), sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli, yang

merupakan sekolah dimana pengkaji adalah tenaga pengajar di situ. Sekolah ini adalah merupakan sekolah harian biasa dan kebanyakan pelajarnya adalah dari kawasan luar bandar. Sekolah ini dipilih kerana ia mudah kepada pengkaji dan ia memenuhi kehendak pengkaji yang hendak menyiasat tentang pemilihan kerjaya dan pengetahuan tentang dunia pekerjaan di sebuah sekolah di luar bandar. Sekolah ini adalah sebuah sekolah gred A mulai tahun 1998 dan mempunyai staf seramai 52 orang dan bilangan pelajarnya seramai 890 orang pelajar. Di sekolah ini terdapat asrama putera dan puteri tetapi tidak dapat menampung keseluruhan pelajar hanya dapat memuatkan sebahagian daripada keseluruhan pelajarnya. Pelajar yang tinggal di asrama adalah pelajar yang tinggal jauh dari sekolah dan dari kawasan yang sukar untuk dihubungi dengan jalan raya.

### 3.3 Latar Belakang Sampel

Di dalam kajian ini sampel yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan lima lelaki dan perempuan terdiri daripada aliran sains dan sastera seramai 67 orang dari Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli. Pemilihan sampel telah ditetapkan oleh pengkaji kerana bilangan pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah terhad kepada pelajar tingkaan lima sahaja dan bilangan kelas adalah tidak banyak, keadaan ini menyebabkan pengkaji tidak mempunyai pilihan yang meluas dalam menentukan

pemilihan sampel. Pelajar lelaki seramai 30 orang dan pelajar perempuan seramai 37 orang. Pecahan mengikut aliran adalah seperti berikut iaitu 31 daripada aliran sains dan 36 daripada aliran sastera. Pelajar daripada aliran sastera adalah terdiri pelajar kelas yang terbaik di kalangan pelajar aliran sastera dan di sekolah ini hanya terdapat satu kelas sahaja aliran sains. Pelajar tingkatan lima dipilih kerana, pelajar ini adalah pelajar peringkat menengah atas dan bakal akan memasuki pasaran buruh selepas mereka tamat tingkatan lima. Daripada pemerhatian yang dibuat kebanyakkan pelajar sekolah ini akan memasuki alam pekerjaan setelah mereka tamat tingkatan lima dan hanya sebilangan yang kecil akan menyambung pelajaran ke peringkat yang seterusnya. Sampel kajian adalah mengikut jurusan dan jantina, seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1: Sampel kajian mengikut aliran dan jantina.

Jantina / Aliran	Peratus	Kekerapan
Lelaki	44.8	30
Perempuan	55.2	37
Sains	46.3	31
Sastera	53.7	36
Jumlah	100	67

Tempat kediaman pelajar yang terlibat dalam kajian ini kebanyakannya tinggal di kawasan luar bandar iaitu seramai 65 orang atau 97.0% dan 1 orang atau 1.5% menyatakan tempat asal dari kawasan bandar dan 1.5% atau seorang yang tidak menyatakan tempat kediaman. Jadual 3.2 dan 3.3 menunjukkan kebanyaknya dari bapa dan ibu sampel adalah terdiri dari mereka yang tamat darjah enam iaitu 32.8% bapa pelajar adalah lulusan darjah enam dan manakala ibu ialah sebanyak 28.4% yang tamat darjah enam. Jika dilihat daripada di bawah, didapati latar ibu bapa sampel adalah kebanyakannya mendapat pendidikan peringkat sekolah menengah dan sekoalah rendah.

Jadual 3.2, Taraf Pendidikan Bapa

Taraf Pendidikan Bapa	Peratus	Kekerapan
Universiti	0	0
Maktab/Diploma/Kolej	1.5	1
STPM/ HSC	3.0	2
SPM/ MCE	23.9	16
SRP/ Tamat Tingkatan 3	16.4	11
SekolaAgama/ Pondok	4.5	3
Tamat Darjah 6	32.8	22
Tidak ada pendidikan formal	17.9	12
Jumlah	100	67

Jadual 3.3, Taraf Pendidikan Ibu

Taraf Pendidikan Ibu	Peratus	Kekerapan
Universiti	1.5	1
Maktab/Diploma/Kolej	0	0
STPM/ HSC	4.5	3
SPM/ MCE	14.9	10
SRP/ Tamat Tingkatan 3	13.4	9
Sekola Agama/ Pondok	11.9	8
Tamat Darjah 6	28.4	19
Tidak ada pendidikan Formal	25.4	17
Jumlah	100	67

### 3.4 Soalselidik

Merupakan alat yang utama untuk mengumpul data di dalam kajian ini ialah dengan menggunakan soalselidik. Soalselidik ini adalah diadaptasi daripada soalselidik yang dibina oleh Rahimah Mohd Sura (1983) dan telah ubahsuai supaya sesuai dengan kehendak pengkaji (lihat Lampiran 1). Soal selidik ini terdapat tiga bahagian utama, bahagian pertama ialah butiran mengenai latar belakang sampel. Bahagian kedua mengandungi senarai pekerjaan, kerjaya pilihan, sumber maklumat pekerjaan dan sebab membuat pilihan sesuatu kerjaya. Bahagian ketiga berkaitan dengan pendirian sampel dalam membuat pilihan kerja dan bantuan daripada pihak sekolah.

### 3.5 Langkah-langkah Penyelidikan

Soalselidik ini dibina dengan membuat beberapa rujukan tentang kesesuaian item-item yang terkandung didalamnya, supaya ia boleh diterima dari segi kesahan dan kebolehpercayaan dan mudah difahami, bila ditadbirkan. Soalselidik ini mula ditadbirkan di Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli di kalangan pelajar tingkatan lima seramai 67 orang yang terdiri daripada pelajar aliran sains dan sastera. Kajian ini ditadbirkan pada hujung November sebelum pelajar ini menduduki peperiksaan SPM. Sebelum soalselidik ini diearkan kepada pelajar berkenaan, terlebih dahulu diberi penerangan mengenai tujuan kajian ini dilaksanakan. Masa yang diperuntukkan untuk pelajar melengkapkan soalselidik ini adalah selama 15 minit sahaja. Didapati pelajar dapat menyiapkan segala butiran yang ada dalam item itu dengan masa yang ditetapkan. Selepas itu semua data yang telah diperolehi dan proses sebelum data itu dianalisis oleh komputer. Selepas semua keperluan siap diproses barulah dianalisis dengan komputer dengan menggunakan aplikasi SPSS di bilik komputer Fakulti Pendidikan.